



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGARUH PERBEZAAN INDIVIDU TERHADAP PENGUASAAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PENDEBAT DI UNIVERSITI AWAM, MALAYSIA***

***HAMZAH BIN OMAR***

**FBMK 2015 67**



**PENGARUH PERBEZAAN INDIVIDU TERHADAP PENGUASAAN  
BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PENDEBAT DI UNIVERSITI  
AWAM, MALAYSIA**



**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**Mei 2015**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PENGARUH PERBEZAAN INDIVIDU TERHADAP PENGUASAAN  
BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PENDEBAT DI UNIVERSITI  
AWAM, MALAYSIA**

Oleh

**HAMZAH BIN OMAR**

Mei 2015

**Pengerusi : Muhd Zulkifli Bin Ismail, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Debat merupakan salah satu medium untuk pelajar menguasai pertuturan bahasa Arab. Walau bagaimanapun, dalam kalangan pelajar universiti awam yang menyertai aktiviti ini terdapat perbezaan dari segi penguasaan mereka terhadap kemahiran pertuturan bahasa Arab. Dalam hal ini, para sarjana mendapati bahawa perbezaan individu pelajar mempengaruhi penguasaan mereka di dalam pertuturan. Justeru, kajian ini adalah untuk mengenal pasti perbezaan individu pendebat yang terdiri daripada konstruk kepercayaan, gaya afektif dan faktor sendiri yang mempengaruhi penguasaan pertuturan pendebat. Kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan temubual kumpulan berfokus ini melibatkan responden seramai lapan (8) orang pendebat universiti; empat (4) orang dari UIAM dan (4) orang lagi dari UPM. Data temubual yang dirakam kemudiannya dianalisis berdasarkan tiga konstruk perbezaan individu daripada taksonomi Ellis (1994); iaitu kepercayaan, gaya afektif dan faktor sendiri. Kajian ini mendapati perbezaan individu pendebat berhubung konstruk kepercayaan yang mempengaruhi pertuturan mereka adalah kepercayaan mereka terhadap objektif perdebatan, tahap perdebatan dan juga isi kandungan dalam perdebatan tersebut. Bagi gaya afektif, ia melibatkan gangguan emosi, kesan emosi dan cara mengatasi gangguan itu. Manakala perbezaan individu yang berkait dengan faktor sendiri pendebat pula ialah motivasi dan gaya pembelajaran. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa konstruk kepercayaan yang mempengaruhi pendebat dalam penguasaan bahasa Arab mereka amat berkait dengan aktiviti debat itu sendiri. Akan tetapi, bagi konstruk gaya afektif dan faktor sendiri, ia bukan hanya melibatkan perdebatan semata-mata, malah turut berkait dengan pembelajaran mereka terhadap bahasa Arab. Ini bermakna, perdebatan dan pembelajaran merupakan elemen yang membentuk perbezaan individu pendebat untuk mencapai tahap penguasaan pertuturan bahasa Arab yang baik di dalam perdebatan. Namun, secara umumnya kajian ini menunjukkan bahawa perbezaan individu lebih tertumpu ke arah mencapai kecemerlangan dalam aktiviti perdebatan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Art

**THE IMPACT OF INDIVIDUAL DIFFERENCES IN MASTERING ARABIC LANGUAGE AMONG DEBATERS IN PUBLIC UNIVERSITIES IN MALAYSIA**

By

**HAMZAH BIN OMAR**

**May 2015**

**Chairman : Muhd Zulkifli Bin Ismail, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

Debate is one of the medium to empower students in Arabic language. However, the level of Arabic language skill among the public universities students who involved in this debate activity is different. In this case, scholars found that the difference is coming from the students themselves in dominate the language. Thereby, this study is to identify the individual differences in belief, effective style, and self-factor that influenced them in mastering their skill of speech. One of the qualitative methods that have been used in this research is focus group that consists of eight respondents (8) they are debaters for university level; four (4) from UIAM and (4) from UPM. The recorded data then be analyzed according to three individual differences constructs based on taxonomy Ellis (1994); those are belief, effective style and self-factor. This study found that the debate objective, phase and content are influencing the individual differences in belief between the debaters. Meanwhile, emotional disturbance, impacts, and surpass are related to effective style. Lastly, self-factor is related to motivation and learning style. The outcome of this research shows the activity of the debate really connected with the confidence of the debaters. However, in effective style and self-factor, it just not relate to the debate only, but also toward the learning of the Arabic language. Means that, the elements make the debaters different in mastering the Arabic debate are debating and learning elements. In general, it indicates the individual differences more focus on the excellences in the debate activities.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji bagi Allah dengan nikmatNYA dan izinNYA yang mempermudah urusan serta perjalanan menyiapkan kajian ini. Selawat dan salam buat junjungan mulia Kekasih Allah Nabi Muhammad S.A.W. yang menyampaikan ilmu dan iman kepada Umat Islam yang tercinta.

Sekalung penghargaan buat penyelia, Dr Muhd Zulkifli Bin Ismail di atas kepercayaan dan dorongan yang diberikan. Jutaan terima kasih terutamanya buat Dr Nik Farhan Binti Mustapha yang banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar tanpa rasa jemu dan sabar dengan karenah-karenah anak didik dalam memperkenalkan bidang kajian yang berkaitan. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Unit Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang secara tidak langsungnya terlibat di atas curahan ilmu serta nasihat yang bermanfaat. Juga buat pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Sultan Zainal Abidin atas kerjasama yang diberikan.

Kepada rakan-rakan seperjuangan Hisyamuddin, Hilmi, Fairuz, dan juga mujahidah GRF bahasa Arab dan bahasa Melayu, jutaan terima kasih diberikan di atas nasihat-nasihat yang bersemangat, sumbangan idea, bahan-bahan ilmiah, bantuan kemudahan penyelidikan dan sebagainya dalam menjayakan kajian ini.

Perhargaan teristimewa dan tiada ternilainya ucapan terima kasih buat ayah, Omar bin K. Mohaideen dan juga mak, Rahmah binti Ayob di atas didikan, asuhan, dan dari segi semua aspek dalam menjalankan tanggungjawab memberikan ilmu kepada anakmu. Sekalung penghargaan buat Iena, Hisham yang banyak memberi sumbangan dan juga nasihat. Semoga Allah membalaskan dengan pahala, nikmat serta rahmat kepada ahli keluargaku Amin.

Moga usaha dan kajian ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya dan menjadi salah satu sumbangan ilmu dalam menjana perkembangan ilmu-ilmu lain yang wujud kepada masyarakat semua. Insya Allah.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 8 Mei 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Hamzah bin Omar bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Pengaruh Perbezaan Individu terhadap Penguasaan Bahasa Arab dalam Kalangan Pendebat di Universiti Awam, Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Muhammad Fauzi bin Jumingan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Che Radiah binti Mezah, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Kamarul Shukri bin Mat Teh, PhD**

Pensyarah Kanan  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 Ogos 2015


Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Muhd Zulkifli Bin Ismail, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Nik Farhan Binti Mustapha, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)



---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Hamzah Bin Omar (GS 31009)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa


Penyeliaan : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : \_\_\_\_\_



## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Muka surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	1
1.3 Persoalan Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	3
1.5 Kepentingan Kajian	3
1.6 Batasan Kajian	4
1.7 Definisi Operasional	5
1.8 Kesimpulan	6
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	7
2.2 Perbezaan Individu (PI)	7
2.2.1 Definisi Perbezaan Individu	7
2.2.2 Konsep PI pelajar	8
2.2.3 Taksonomi PI para sarjana	9
2.3 Konsep Pertuturan	14
2.3.1 Aspek-aspek yang perlu dikuasai oleh penutur bahasa Arab	15
2.4 Perdebatan	16
2.4.1 Definisi dan konsep perdebatan bahasa Arab	16
2.4.2 Asas perdebatan bahasa Arab	17
2.4.3 Adab-adab dalam perdebatan	21
2.4.4 Ciri-ciri pendebat yang baik	22
2.5 Isu berkenaan PI dalam pembelajaran bahasa kedua	23
2.5.1 Kepercayaan kepada bahasa sasaran	23
2.5.2 Gaya afektif	24
2.5.3 Faktor sendiri	25
2.6 Kesimpulan	27

<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	28
3.2	Reka Bentuk Kajian	28
3.2.1	Kerangka konsep kajian	28
3.2.2	Pembinaan Item temubual	31
3.2.3	Kaedah kajian	32
3.2.4	Lokasi kajian	33
3.2.5	Responden kajian	33
3.3	Prosedur menjalankan kajian	34
3.3.1	Prosedur sebelum temubual	34
3.3.2	Prosedur semasa temubual	35
3.3.3	Prosedur selepas temubual	35
3.4	Proses analisis data	36
3.4.1	Langkah menganalisis data	36
3.4.2	Menulis laporan	36
3.5	Kesimpulan	37
<b>4</b>	<b>DAPATAN DAN ANALISIS</b>	
4.1	Pengenalan	38
4.2	Analisis kepercayaan pendebat terhadap pertuturan bahasa Arab di dalam perdebatan	38
4.2.1	Konsep perdebatan	39
4.2.2	Tahap pendebat	42
4.2.3	Isi- isi kandungan perdebatan	46
4.3	Analisis gaya afektif yang mempengaruhi penguasaan pertuturan pendebat	48
4.3.1	Gangguan emosi	50
4.3.2	Faktor gangguan emosi	52
4.3.3	Kesan gangguan emosi	59
4.3.4	Cara mengatasi gangguan emosi	62
4.4	Analisis faktor sendiri yang mempengaruhi penguasaan pertuturan pendebat	66
4.4.1	Pencetus motivasi	67
4.4.2	Gaya pembelajaran	75
4.5	Kesimpulan	80
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	81
5.2	Rumusan	81
5.2.1	Rumusan kepercayaan pendebat terhadap pertuturan bahasa Arab di dalam perdebatan	81
5.2.2	Rumusan gsyafektif yang mempengaruhi penguasaan pertuturan pendebat	82
5.2.2	Rumusan faktor sendiri yang mempengaruhi penguasaan pertuturan pendebat	84
5.3	Cadangan	84
5.3.1	Cadangan untuk debat bahasa Arab	85
5.3.2	Cadangan kajian akan datang	87

5.4 Kesimpulan

88

**RUJUKAN**

89

**LAMPIRAN**

96

**BIODATA PELAJAR**

117



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka surat</b>
2.1	Tugas-tugas ketua pencadang dan ketua pembangkang	18
2.2	Tugas-tugas pencadang pertama dan pembangkang pertama	19
2.3	Tugas-tugas pencadang dan pembangkang kedua	19
2.4	Rumusan	20
2.5	Jumlah masa yang diperuntukkan bagi setiap pendebat	22
3.1	Item-item yang ditambah dan dikurangkan dari rangka kerja	30
4.1	Faktor sendiri yang mempengaruhi penguasaan pertuturan pendebat	66
4.2	Bahagian pencetus motivasi luaran	69

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
2.1	Taksonomi Perbezaan Individu Pelajar Ellis (1994)	11
3.1	Taksonomi yang dibina oleh Ellis (1994)	29
3.2	Kerangka konsep kajian	31
4.1	Konsep perdebatan	39
4.2	Tahap pendebat	42
4.3	Isi-isi kandungan perdebatan	46
4.4	Gangguan emosi	50
4.5	Faktor gangguan emosi	52
4.6	Kesan gangguan emosi	59
4.7	Cara mengatasi gangguan emosi	62
4.8	Pencetus motivasi	68
4.9	Gaya pembelajaran	76

## SENARAI LAMPIRAN

<b>Lampiran</b>		<b>Muka Surat</b>
A	Item Soalan Temu bual	96
B	Pengesahan Item Soalan Temu bual	98
C	Surat Persetujuan Responden	100
D	Contoh Transkripsi Temu bual	101
E	Pengesahan Item Temu bual	106





# **BAB SATU**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Manusia adalah makhluk Allah yang diberikan pancaindera dan akal untuk mengurus bumi sesuai dengan tujuan asal ia dicipta oleh Allah. Pancaindera dan akal ini digunakan sebagai medium untuk manusia berkomunikasi.

Komunikasi terdiri dari empat elemen yang utama iaitu pendengaran, percakapan, bacaan dan penulisan. Setiap elemen komunikasi manusia adalah penting dalam kehidupan manusia. Kemahiran bertutur adalah salah satu elemen komunikasi bagi manusia. Ia digunakan secara meluas dalam setiap aspek kehidupan (Mohd.Zaki, 2009).

Justeru, kemahiran ini juga memerlukan tahap penguasaan bahasa yang tinggi dalam kalangan penutur supaya mesej yang disampaikan jelas untuk memenuhi keperluan dan kehendak seseorang (Ab. Halim, 2009).

Penguasaan kemahiran pertuturan memerlukan perancangan yang rapi untuk tujuan meningkatkan kemahiran bahasa seseorang (Zamri, Mohamed Amin, & Nik Mohd Rahimi, 2010). Perancangan ini lahir dari sifat penutur itu sendiri yang dikenali sebagai perbezaan individu (PI) (Ellis, 1994).

Setiap orang yang mempelajari bahasa mempunyai PI mereka yang tersendiri dalam mencapai objektif pembelajaran bahasa. PI setiap pelajar adalah berbeza antara satu sama yang lain. (Young, Doane, & Garrison, 2006).

Perbezaan ini terbentuk dari tiga elemen dalam diri penutur, iaitu kepercayaan mereka terhadap bahasa sasaran, gaya afektif yang mempengaruhi mereka dan faktor sendiri yang membentuk pencapaian mereka dalam berbahasa (Ellis, 1994).

PI yang baik dan sesuai dapat mempengaruhi tahap penguasaan pelajar dalam pertuturan bahasa sasaran.

### **1.2 Pernyataan masalah**

Kebelakangan ini banyak rungutan dari pelbagai pihak mengenai kelemahan para graduan universiti dalam kemahiran berbahasa. Antara kemahiran yang difokuskan ialah kemahiran komunikasi bahasa Arab (Che Radiah, 2009). Dapatan dari sebuah kajian mendapati tahap penguasaan bahasa Arab ketika berkomunikasi dalam kalangan pelajar universiti masih lemah (Ab. Halim, 2009).

Pelbagai inisiatif yang telah dilakukan oleh pelajar untuk meningkatkan penguasaan pertuturan mereka. Kajian mendapati bahawa sebahagian pelajar yang mempelajari

bahasa Arab telah mengikuti aktiviti debat untuk meningkatkan penguasaan pertuturan bahasa Arab mereka (Sueraya, Ismail, Arifin, Ismaiel, 2010).

Walau bagaimanapun, wujud perbezaan antara pelajar yang boleh menguasai pertuturan bahasa Arab dengan pelajar yang tidak boleh menguasai bahasa Arab dengan baik walaupun mengikuti aktiviti yang sama.

Pemerhatian awal pengkaji dalam kelas intensif debat bahasa Arab mingguan anjuran Kelab Debat Bahasa Arab Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mendapati sebahagian pelajar mampu bertutur dan menyampaikan hujah di dalam bahasa Arab dengan baik manakala sebahagian mereka hanya mampu menyampaikan hujah dengan bantuan teks yang disediakan oleh jurulatih debat.

Masalah yang sama juga berlaku di Universiti Putra Malaysia (UPM). Walaupun menjalani latihan intensif secara berkala setiap minggu, sebahagian pendebat hanya mampu menghafal teks debat dari penyelia debat sebelum perdebatan bermula. Sepatutnya, aktiviti debat mampu menjana minda pelajar sekaligus meningkatkan penguasaan pertuturan pelajar di dalam bahasa Arab (Sueraya, 2012).

Antara faktor masalah ini berlaku kerana keadaan pelajar yang kurang menggunakan kawalan kepercayaan pembelajaran (control of learning beliefs) di dalam membentuk penguasaan dalam pertuturan bahasa Arab. Selain itu, pelajar juga bergantung sepenuhnya kepada faktor luaran seperti pensyarah dan nasib (Ghazali, Nik Mohd Rahimi, Parilah, Wan Haslina, & Ahmed Thalal, 2011).

Kurangnya persediaan pelajar dari segi emosi juga menyebabkan mereka gagal berkomunikasi di hadapan audien (Yahya & Muhammad Shahabudin, 2008). Kajian para sarjana turut menunjukkan bahawa faktor motivasi dan gaya pembelajaran mempengaruhi kecemerlangan pelajar dalam pembelajaran bahasa asing (Siti Saniah & Sharala, 2012; Marzalina, 2004).

Dalam hal ini, sarjana merumuskan faktor-faktor tersebut sebagai perbezaan individu (PI) pelajar yang mempengaruhi tahap penguasaan mereka dalam pembelajaran bahasa (Ellis, 1994; Kamarul Shukri, 2009). Ia merupakan elemen penting untuk dikenal pasti bagi mengatasi masalah kelemahan mereka dalam penguasaan bahasa.

Oleh itu, kajian yang mengkaji pengaruh perbezaan individu (PI) pendebat IPTA dalam penguasaan pertuturan bahasa Arab perlu dijalankan supaya elemen PI mereka dalam aspek kepercayaan, gaya afektif dan faktor sendiri mereka untuk menguasai pertuturan bahasa Arab dapat dikenalpasti dan dimanfaatkan oleh pendebat yang lain.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Berdasarkan kepada permasalahan di atas, timbul beberapa persoalan yang dapat dilihat seperti berikut:

- 1) Apakah kepercayaan pendebat bahasa Arab terhadap pertuturan bahasa Arab dalam perdebatan bahasa Arab?
- 2) Bagaimanakah gaya afektif yang mempengaruhi penguasaan pertuturan pendebat bahasa Arab?
- 3) Bagaimanakah faktor sendiri mempengaruhi penguasaan pertuturan pendebat?

### **1.4 Objektif Kajian**

Bagi menjawab persoalan-persoalan berikut, tiga (3) objektif kajian ini disenaraikan seperti berikut:

- 1) Mengenal pasti kepercayaan pendebat terhadap pertuturan bahasa Arab di dalam perdebatan.
- 2) Menjelaskan gaya afektif yang mempengaruhi penguasaan pertuturan pendebat.
- 3) Menganalisis faktor sendiri yang mempengaruhi penguasaan pertuturan pendebat.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian berkenaan perbezaan individu (PI) pelajar bahasa Arab adalah sesuatu yang baru dan kajian yang mengkaji PI pelajar dalam kalangan pendebat masih kecil dan kurang dijalankan.

Oleh itu, kajian ini diharap menjadi tambahan kepada kajian yang sedia ada di dalam perdebatan bahasa Arab.

Selain itu, kajian ini juga diharap dapat membantu kumpulan-kumpulan yang berikut:

- 1) Kumpulan pendebat: Kajian ini juga penting bagi pelajar yang terlibat di dalam aktiviti perdebatan untuk mengetahui PI yang mempengaruhi penguasaan pendebat yang menguasai pertuturan bahasa Arab dengan baik yang terlibat di dalam pertandingan debat peringkat samada

peringkat universiti, nasional dan antarabangsa. Dengan cara ini, kumpulan pendebat dapat mengetahui persediaan yang perlu mereka lakukan sebelum memasuki gelangang perdebatan.

- 2) Kumpulan pengajar debat: Kajian ini dapat memberi inspirasi kumpulan pengajar debat untuk membantu para pendebat meningkatkan penguasaan pertuturan mereka dalam perdebatan disamping mendorong mereka memberi motivasi dan galakan yang cukup kepada pendebat terutama pendebat yang kurang baik dalam pertuturan bahasa Arab.
- 3) Kumpulan pengkaji yang lain: kajian perbezaan individu (PI) yang berbentuk kualitatif jarang dilakukan oleh para sarjana tempatan. Tambahan pula, kajian yang menggunakan kaedah temubual kumpulan berfokus ke atas pendebat adalah amat sedikit. Kajian ini juga dapat melahirkan kepelbagaian dapatan berkenaan pemerolehan dan pembelajaran bahasa seperti yang disarankan oleh Krashen (1981).

Kajian ini juga dapat memberikan perlbagai manfaat kepada individu yang terlibat dalam perdebatan dan menambah kajian bahasa Arab yang sedia ada bagi memenuhi keperluan masyarakat terhadap kajian yang memberi fokus kepada aspek pertuturan dan perbezaan individu (PI).

## **1.6 Batasan Kajian**

Bagi memastikan kajian ini tidak terkeluar dari landasan yang ditetapkan, beberapa batasan telah dibuat oleh pengkaji:

- 1) Kajian ini adalah untuk mengaplikasi PI yang digaris oleh Ellis (1994) di dalam taksonomi beliau. Ia merangkumi elemen kepercayaan pendebat mengenai perdebatan, gaya afektif mereka dan faktor sendiri – motivasi dan gaya pembelajaran- yang mendorong pendebat melibatkan diri dalam perdebatan dan mempengaruhi penguasaan mereka dalam pertuturan.
- 2) Responden kajian ini merupakan pendebat- pendebat bahasa Arab dari UIAM dan UPM yang pernah mewakili universiti di dalam pertandingan samada peringkat nasional atau internasional sahaja. Pendebat-pendebat ini dipilih oleh pelatih-pelatih debat berdasarkan kepada tahap penguasaan pertuturan mereka dalam bahasa Arab dan kerelaan mereka untuk ditemubual oleh pengkaji. Mereka juga adalah pelajar sarjana muda dan bukan pelajar diploma, sarjana atau Phd.
- 3) Tempoh pengumpulan data adalah dari bulan April 2013 sehingga bulan Jun 2013.

- 4) Kajian ini dilakukan di dua buah universiti yang berbeza latar belakang untuk melihat perbezaan individu yang berlainan yang mendorong penguasaan bahasa Arab.
- 5) Data yang dianalisis ini hanya melibatkan PI pendebat-pendebat yang terlibat secara langsung dalam arena perdebatan bahasa Arab dari kedua-dua buah universiti yang telah disebutkan.

Batasan ini dibuat supaya kajian ini dilakukan mengikut objektif yang telah digariskan oleh pengkaji dan memberi gambaran awal tujuan kajian ini dijalankan.

### **1.7 Definisi Operasional**

Di sini disertakan beberapa definisi operasional untuk beberapa terminologi yang digunakan dalam kajian ini:

- 1) Perbezaan Individu: Perbezaan individu di dalam kajian ini adalah merujuk kepada variasi sifat pendebat bahasa Arab yang pernah menyertai pertandingan samada peringkat kebangsaan atau antarabangsa yang terdiri dari kepercayaan, gaya afektif dan faktor sendiri yang mempengaruhi penguasaan pertuturan bahasa Arab mereka.
- 2) Kepercayaan: Dalam konteks kajian ini, pemahaman pendebat berkenaan pertuturan dalam perdebatan bahasa Arab dan tahap yang perlu dikuasai oleh pendebat yang cemerlang dalam bahasa Arab akan dikaji untuk mencapai objektif kajian ini.
- 3) Gaya Afektif: Gaya afektif yang dikaji dalam kajian ini adalah berkenaan dengan emosi. Jenis gangguan emosi, faktor yang mempengaruhi gangguan emosi, kesan gangguan emosi dan cara mengatasi gangguan emosi.
- 4) Faktor sendiri: Definisi bagi faktor sendiri yang dikaji dalam kajian ini adalah faktor dalaman yang mempengaruhi kecemerlangan pendebat yang terdiri daripada motivasi dan gaya pembelajaran:
  - a) Motivasi: Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu motivasi luaran dan dalaman. Dalam kajian ini, pengkaji mengkaji motivasi yang memberi pendorong kepada pendebat untuk menguasai perdebatan bahasa Arab.
  - b) Gaya pembelajaran: Ia merujuk kepada gaya pembelajaran yang digunakan pelajar untuk mengatasi masalah penguasaan bahasa dalam perdebatan.

Perdebatan: Debat boleh didefinisikan sebagai kaedah formal yang digunakan untuk

berkomunikasi (Debating SA Incorporated., 2008). Dalam kajian ini, debat bahasa Arab adalah fokus utama yang akan dikaji untuk mencapai objektif kajian. Individu yang terlibat secara langsung dalam perdebatan pula dikenali sebagai pendebat.

## **1.8 Kesimpulan**

Dalam bab ini, pengkaji menerangkan masalah yang berlaku yang memerlukan kepada kajian untuk menyelesaikannya. Selain itu, persoalan kajian dan objektif kajian untuk menerangkan perkara yang dikaji oleh pengkaji dijelaskan sebagai tujuan utama kajian ini dijalankan.

Kepentingan kajian ini secara kolektif membantu pendebat, jurulatih dan penggunaan metodologi yang pelbagai dalam kajian perbezaan individu. Batasan kajian pula sebagai fokus utama kajian dan membataskan kajian kepada perkara yang dikaji sahaja. Manakala definisi operasional memberikan definisi istilah yang diguna pakai dalam kajian ini.

Pendahuluan ini diharap dapat memberikan gambaran umum berkenaan kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

## RUJUKAN

- Ab Halim Mohamad. (2009). *Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia*. Journal of Islamic and Arabic Education, 1-14.
- Adi Yasran Abdul Aziz, Wan Muhammad Wan Sulong, & Muhd Zulkifli Ismail. (2010). *Kata Serapan Arab Tanpa Huruf Vokal dalam Ejaan Jawi*. In M. A. Jabar, L. S. Neo, E. Yamato, C. F. Hing, R. Mamat, P. Hajimaming, et al., *My Language Your Language : Bahasaku Bahasamu* (pp. 11-23). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Azman, C. M., & Goh, Y. S. (2010). *Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis*. AJTLHE Vol. 2, 9-20.
- Arnold, J. (1999). *Affect in Language Learning*. Cambridge Cambridge University Press.
- Azrul, M., & Saifuddin, S. (2012). *Hubungan Gaya Pembelajaran, Motivasi dan Pencapaian Pelajar Semester Satu dalam Modul Matematik Kejuruteraan*. Diges Politeknik & Kolej Komuniti Zon Sarawak, 1-11.
- Barbour, R. S., & Kitzinger, J. (1999). *Introduction: The Challenge and Promise of Focus Group*. In R. S. Barbour, & J. Kitzinger, *Developing Focus Group Research: Politics, Theory and Practice* (pp. 1-20). London: SAGE Publication Ltd.
- C.Bryant, D., & Wallace, K. R. (1976). *Oral Communication : A Short Course in Speaking*. New Jersey: Prentice - Hall.
- C.Scarella, R., & L.Oxford, R. (1992). *The Tapestry of Language Learning : the Individual in the Communicative Classroom*. Boston: Heinle & Heinle Publishers.
- Che Radiah Mezah. (2009). *Kemahiran Insaniah Sebagai Nilai Tambah Graduan Bahasa Arab dalam Prospek Kerjaya*. Nadwah Bahasa dan Kesusasteraan Kedua (pp. 90-97). Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.
- Conner, M. L. (1993-2013). *What is Your Learning Style?* Retrieved 4 28, 2013, from Marcia Conner: <http://marciacconner.com/assess/learningstyle/>
- D.Krashen, S., A.Long, M., & Scarcella, R. C. (1979). *Age, Rate and Eventual Attainment in Second Language Acquisition*. TESOL Quarterly, 573-582.

- D'Cruz, R. (2003). *The Australia-Asia Debating Guide Second Edition*. North Melbourne: Australian Debating Federation.
- Daymon, C., & Holloway, I. (2008). *Metode-metode Riset Kualitatif dalam Public Relations & Marketing Communications*. Yogyakarta: Perpustakaan Nasional.
- Department of Health and Human Service: Center for Disease Control and Prevention. (2008 (Vol:13)). *Data Collection Methods for Program Evaluation: Focus Groups*. Evaluation Briefs, 1-2.
- Debating SA Incorporated. (2008). *Debating : A Brief Introduction for Beginners*. Debating SA Incorporated.
- Dornyei, Z. (2005). *The Psychology of the Language Learner: Individual Differences in Second Language Acquisition*. New York: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Duckett, I., & Tatarkowski, M. (-). *Learning Styles and Their Application for Effective Learning*. Learning and Skills Development Agency, -.
- Ehrman, M. E., Leaver, B. L., & Oxford, R. L. (2003). *A Brief Overview of Individual Differences in Second Language Learning*. Pergamon, Elsevier Ltd.
- Ellis, R. (1994). *The Study of Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Fichten, C. S., Judd, V. T., Wright, J., & Amsel, R. (2001). *Verbal and Nonverbal Communication Cues in Daily Conversations and Dating*. *The Journal of Social Psychology*, 751-769.
- Gardner, R. C., & Lambert, W. E. (1972). *Attitudes and Motivation in Second Language Learning*. Rowley: Newbury House Publisher.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah, M. S., Wan Haslina, W., & Ahmed Thalal, H. (2011). *Kepercayaan Jangkaan Keupayaan Kendiri Dalam Kalangan Pelajar*. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* (vol: 11), 81-96.
- Ghazali, Y., Nik Mohd Rahimi, N. Y., Parilah, M. S., & Wan Haslina, W. (2011). *Kawalan Kepercayaan Pembelajaran dalam kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab sebagai Bahasa Ketiga*. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 41-47.
- Gizir, S., & Simsek, H. (2005). *Communication in an Academic Context*. Higher



Education, 197-221.

Griffiths, R. (1991). *Individual Differences In Second- Language Learning by Peter Skehen*. Issues in Applied Linguistics Vol.2 (No.1), 102-107.

Hafzan, B. A. (2006). *Kecerdasan Mental (IQ) dan Pencapaian Akademik: Kajian Perbandingan terhadap Pelajar Sains dan Teknikal*. Melaka: Pusat Perkhidmatan Akademik, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.

H.Frey, J., & Fontana, A. (1993). The Group Interview in Social Research. In D. L. Morgan, *Successful Focus Groups* (pp. 20-34). London: SAGE Publications.

Ibrahim Abdullah. (2003). *Penyediaan Buku Teks Bahasa Arab untuk Pelajar Dewasa*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ibrahim, A. A.-F., Salah, A. S., & Muhammad Ikhwan, b. A. (2009). *Ad-Dalil Al-I'lmī lil Tadrib A'la Funun Al-Munazarah bi Al-Luġati Al-A'rabiyyah*. Kuala Lumpur: Darul Tashih Editing House. Jabatan Komunikasi dan Pengembangan Pengucapan (SPICE), U. I. (2011).

*Syarat dan Peraturan Pertandingan Debat Antara Sekolah Malaysia Kali ke-10* . SPICE & Kementerian Pelajaran Malaysia.

Jimoh, S., & Olawuyi, B. (n.d.). *Individual Differences*. Psychology of Learning, 126-137.

Jonassen, D. H., & Grabowski, B. L. (1993). *Handbook of Individual Differences, Learning and Instruction*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.

Kamarul Shukri Bin Mat Teh. (2009). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama*. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamarul Shukri, Nik Mohd Rahimi, Mohamed Amin & Zamri (2009). *Language Learning Strategies and Motivation among Religious Secondary Schools Students*. The International Journal of Language Society and Culture Vol. 29, 71-79.

Kamsani, B. M. (2012). *Hubungan Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi di Maktab Mahmud, Alor Setar, Kedah*. Tesis Sarjana. Changlun: Universiti Utara Malaysia.

Kazu, I. Y. (2009). *The Effect of Learning Styles on Education and the Teaching Process*. Journal of Social Sciences 5 , 85-94.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Syarat-Syarat dan Peraturan Perbahasan Guru Ala Parlimen Kategori Bahasa Melayu*. Institut Aminuddin Baki & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kempe, V., & Brooks, P. J. (2011). *Individual Differences in Adult Second Language Learning: A Cognitive Perspective*. *Scottish Languages Review*, 15-22.
- Krashen, S. D. (1981). *Second Language Acquisition and Second Language Learning*. California: Pergamon Press Inc.
- L. Oxford, R. (1990). *Language Learning Strategies : What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury house Publishers.
- Majdan Bin Paharal Radzi. (2012). *Al-Mahārat al- Nuṭqy wal-Ilqa' fī al-Munāzarah bil-Luġhatil 'Arabīyyah lada Ṭullab al-Ġhāmi'ah fī Malīziya* . Tesis Sarjana. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Marzalina, B. M. (2004). *Stail Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing dalam Kalangan Pelajar Luar Negara*. Tesis Sarjana. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mastura, B. A., & Kaseh, B. A. (2012). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab: Kajian di Pusat Asasi UIAM*. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab* (pp. 139-155). Bangi: Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Mohamad Johdi, S., Che Noraini, H., Ismael Hassanaen, & Amir Hasan Dawi. (2009). *Status Sosio Ekonomi dan Komitmen Ibu Bapa terhadap Pencapaian Pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah Malaysia*. Bandar Seri Begawan (pp. 1-23). 14th International Conference on Education. : Sultan Hassanul Bolkiah Institute of Education Universiti Brunei Darussalam.
- Mohd. Zaki Abd. Rahman. (2005). *Kompenan Linguistik dalam Pendidikan Bahasa Arab di Peringkat Ijazah Tinggi*. In H. B. Dahan, Z. Ismail, & M. A. Zailani, *Pendidikan Islam dan Bahasa Arab* (pp. 131-136). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Najib, A. M., Che Su, M., & Iran, H. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Nik Farhan binti Mustapha. (2011). *Istiratiġiyyat Al-Qira'ah Ṭalabah Al-Luġat Al-'Arabīyyah fī Al- Ġami'ah Futra Al- Malaziyyah wa Madaā Ta'ṭiruha 'ala Mustawa Isti'abuhum Al-Qira'i*. Tesis Phd. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Nik Mohd Rahimi, N. Y., Zamri, M., & Kamarulzaman, A. G. (2008). *Motivasi Pembelajaran Kemahiran Mendengar Bahasa Arab dan Hubungannya*

*dengan Pencapaian Pelajar. Jurnal Pendidikan 33, 3-18.*

Nurazan binti Mohamad Rouyan. (2004). *Strategi Pembelajaran Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Arab : Kajian di KUSZA*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

O'Melly, J., Chamot, A. U., Manzanares, G. S., P.Russo, R., & Kupper, L. (1985). *Learning Strategy Application with Student of English as a Second Language*. TESOL Quarterly, 557-584.

Othman, B. M., & Normalina, B. M. (2010). *Profil Gaya Didikan Ibu Bapa Cemerlang Berbanding Pelajar Lemah*. Universiti Teknologi Malaysia (Unpublished), 1-9.

Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Perguruan Sultan Idris.

Paradis, J. (2011). *Individual Differences in Child English Second Language Acquisition: Comparing Child-Internal and Child-External Factors*. Linguistic Approaches to Bilingualism, 213-237.

Richard, J.C., Schmidt, R. Translation: Tu'aymah R.A., Higazi A.F. ( 2007). *Mu'jam Longman Li- Ta'lim Al- Lugaāt wa 'Ilmu Al- Taṭbiqi*. Lubnan: Maktabah Lubnan Naširun.

Rosni, S., Mohd Fauzi, A. H., Shaferul, H. S., & Amizan, H. M. (2013 vol: 13 ). *Aktiviti Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Jurulatih Debat*. GEMA Online® Journal of Language Studies, 99-116.

Rubin, J. (1975). *What the "Good Language Learners" Teach Us*. Teacher of English to Speaker of Other Languages, 42.

Ruhizan, M. Y., Mohd Jasmy, A. R., Norlena, S., & Rosadah, A. M. (2001). *Proses Kognitif Pelajar Cemerlang dan Tidak Cemerlang*. Jurnal Pendidikan (27), 27-34.

Scarella, R. C., & Oxford, R. L. (1992). *The Tapestry of Language Learning : the Individual in the Communicative Classroom*. Boston: Heinle & Heinle Publishers.

Saini, b. A., & Mohammad, b. S. (2011). *Persepsi Pelajar Bukan Islam terhadap Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Kajian di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, Universiti Malaysia Sabah. Jurnal Bahasa Jendela Alam, 1-16.

Siti Saniah, Abu Bakar & Sharala, Subramaniam (2012). *Pengaruh Motivasi*

- Instrumental dan Integratif Dalam Pemilihan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Penutur Asing*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu - JPBN ( Malay Language Education Journal- MyLEJ) Vol.2, 54-61
- Skehen, P. (1991). Individual Differences in Second Language Learning. *Studies in Second Language Acquisition*, 275-298.
- Sueraya Che Haron. (2012). *Speaking Good Arabic: Learners' Perceptions* . Journal of Education and Practice, 151-160.
- Sueraya Che Haron, Ismail Sheikh Ahmad, Arifin Mamat, & Ismaiel Hassanein, A. M. (2010). *Understanding Arabic-Speaking Skill Learning Strategies Among Selected Malay Learners: A Case-Study At The International Islamic University Malaysia (IIUM)*. *Contemporary Issues In Education Research*, 9-20.
- Suwanarak, K. (2012 (Edition 3)). English Language Learning Beliefs, Learning Strategies and Achievement of Masters Students in Thailand. *TESOL as a Global Trade : Ethics, Equity and Ecology*, 1-15.
- Tavakoli, H. (2012). *A Dictionary of Language Acquisition : A Comprehensive Overview of Key Terms in First and Second Language Acquisition*. Tehran: Rahnama Press.
- Tim Penyediaan Manuskrip Kamus Dewan dengan Tambahan dan Pindaan, (1993) *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tu'aymah. R. A. (2006). *Al-Maharat Al- Luġawiyyah: Mustawayatiha, Tadrisiha, Šu'ubatiha*. Cairo: Dar Al- Fikr Al- 'Arabiy.
- Yahya Bin Buntat, & Muhammad Shahabudin Bin Hassan. (2008). *Kemahiran Komunikasi dalam Meningkatkan Keyakinan Diri Pelajar. Satu Tinjauan di Kalangan Ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa, Universiti Teknologi Malaysia*. - unpublished-, 1-10.
- Young, W. S., Doane, S. M., & Garrison, T. (2006). *The Impact of Individual Differences and Learning Context on Strategic Skill Acquisition and Transfer*. *Learning and Individual Differences* (16), 13–30.
- Yong, C. C., Siti Saniah, A. B., Chan, T.-H., & Vijayaletchumy, a. S. (2010). *Strategi Pembelajaran Pelajar Antarabangsa Belajar Bahasa Melayu di Institut Pengajian Tinggi*. Proceedings of 4th International Conference on Teacher Education. Bandung.
- Zulzana, B. Z., Mohamed, B. S., & Roslina, B. A. (2012). *Hubungan Antara Minat, Sikap Dengan Pencapaian Pelajar Dalam Kursus Cc301 – Quantity Measurement*. Prosiding Seminar Pendidikan 2012 (EduSem'12) (pp. -).

Negeri Sembilan: Politeknik Port Dickson.

Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris Pelajar Cemerlang : Inventori Strategi-Belajar-Cara-Belajar-Bahasa*. Bandar Baru Bangi: Fakulti Pendidikan.

